



Rujukan Kami : AADK 100-2/2/2 (61)

Tarikh : 9 DISEMBER 2014

**Ketua Pengarang,
KOSMO!**

Tuan/Puan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AWAM MENGENAI PENGLIBATAN REMAJA LUAR BANDAR
DENGAN MASALAH PENYALAHGUNAAN DADAH MELALUI AKHBAR KOSMO! 9
DISEMBER 2014 DALAM RUANGAN SMS M/S 50.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin merujuk kepada aduan yang dikemukakan oleh **TOK KI** melalui akhbar KOSMO! bertarikh 9 Disember 2014.

3. Sehubungan itu berikut adalah maklumbalas AADK bagi aduan berkenaan:

*Terlebih dahulu AADK menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan **TOK KI** dalam permasalahan dadah dalam negara. Untuk makluman, AADK memandang serius isu tersebut dan AADK kini telah merancang pendekatan yang lebih holistik dalam program-program pencegahan, rawatan dan pemulihan mahupun penguatkuasaan. AADK turut melaksanakan program pencegahan berfokus bagi menangani masalah penagihan dadah di kawasan-kawasan berisiko tinggi. Dalam masa yang sama AADK dengan kerjasama agensi penguatkuasaan dan pihak berkuasa tempatan menjalankan operasi bersepadu bagi menangani masalah dan isu penagihan dadah di kawasan-kawasan yang dikenalpasti. Sehubungan dengan itu AADK turut ingin memaklumkan bahawa sekiranya terdapat aduan yang sama di kawasan pembaca KOSMO!, salurkan aduan tersebut melalui emel kepada pro@adk.gov.my atau hantarkan pesanan ringkas dengan menaip AADK <jarak> Menu dan hantarkan kepada 15888.*

4. Kerjasama dan perhatian daripada tuan/puan untuk menyiarkan maklumbalas tersebut dalam akhbar amatlah dihargai dan didahului terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KHIDMAT TANPA RASUAH"**

Saya yang menurut perintah,

**(SUHAIMI BIN ABDULLAH)
Ketua Pengarah,
Agensi Antidadah Kebangsaan,
Kementerian Dalam Negeri**

MEMBASMI DADAH ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA
MARILAH BERTINDAK SEGERA

*ERADICATING DRUG ABUSE IS OUR COLLECTIVE RESPONSIBILITY
LETS ACT NOW*



Certified to MS ISO 9001:2008
Cert. No.: KLR 6008765